

BACELOR PERAKAUNAN

LATAR BELAKANG

Program Bacelor Perakaunan(BP), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan mula ditawarkan pada tahun 1985. Kurikulum program ini digubal setelah mengambilkira ciri-ciri penting dalam pembentukan graduan yang sesuai dan memenuhi keperluan pelbagai sektor. Program Bacelor Perakaunan merupakan program profesional yang diiktiraf oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Kerajaan Malaysia di bawah Jadual 1, Akta Perakaunan 1967.

Program BP untuk eksekutif di kampus boleh didapati dalam mod hari biasa.

OBJEKTIF PROGRAM

Tujuan utama program ini adalah untuk melahirkan graduan perakaunan yang berkemahiran serta berkebolehan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian dan perkhidmatan. Graduan program ini dilatih menyesuaikan diri dengan persekitaran yang dinamik yang memerlukan tenaga kerja yang lebih proaktif selain mampu berfikir secara rasional dan global

PELUANG PEKERJAAN

Peluang pekerjaan bagi graduan perakaunan merangkumi pelbagai bidang berikut:-

1. Bidang profesional sebagai akauntan bertauliah, juruaudit, penasihat percukaian, setiausaha syarikat dan sebagainya.
2. Sektor perindustrian dan perdagangan dalam bidang kewangan perbadanan dan perbankan serta institusi kewangan lain yang memerlukan kepakaran perakaunan dan kewangan.
3. Menjadi usahawan yang berwibawa dan mempunyai ilmu perakaunan yang tinggi.

TEMPOH PENGAJIAN

Program ini mengambil masa selama **empat tahun**.

KURIKULUM PENGAJIAN

Kurikulum Bacelor Perakaunan mengandungi empat (4) komponen iaitu kursus universiti, teras, elektif dan ko-kurikulum. Jumlah jam kredit serta peratusan bagi setiap komponen adalah seperti berikut:

| KOMPONEN | JAM KREDIT | (%) |
|-------------------|-------------------|--------------|
| Kursus Universiti | 18 | 12.7 |
| Kursus Teras | 119 | 83.8 |
| Kursus Elektif | 3 | 2.1 |
| Ko-Kurikulum | 2 | 1.4 |
| Jumlah | 142 | 100.0 |

Pelajar diwajibkan mengambil 2 jam kredit ko-kurikulum

BACHELOR OF ACCOUNTING

Background

The Bachelor of Accounting (BA) program was first offered in 1985. The aim of the BA program is to produce graduates who have the skills and capabilities as a qualified accountant who will meet the demands of various industrial and service sectors. Our programme is recognized and accredited by the Malaysia Institute of Accountant (MIA) under the Malaysia Accountants Act of 1967

The BA program for executives is available on campus in a week day study mode.

Objectives of the Program

The main purpose of this program is to produce skilled and capable accounting graduates who will meet the needs of the industrial and service sectors. The program will train the graduates to better adapt the dynamic business environment which requires a more proactive workforce who can think rationally and globally.

Employment Opportunities

Students who follow this program will be able to:

1. Work in the private accounting firms, as an auditor, tax advisor, company secretary and financial controller.
2. Work in the private and public sector as administrative officers, financial officers or managers in government departments and statutory bodies.
3. Be competent entrepreneurs with adequate accounting skills.

Duration of Study

The duration of the program is four years.

Program Curriculum

The curriculum for the Executive BA program is divided into four main components: core university course, core courses, specialized core courses, elective courses, industrial training and core curriculum. The details of each component are as follows: -

| COMPONEN | CREDIT HOURS | (%) |
|---------------------|--------------|------|
| University Courses | 18 | 12.7 |
| Core Courses | 107 | 75.3 |
| Elective Courses | 3 | 2.1 |
| Industrial Training | 12 | 8.5 |
| Co-Curriculum | 2 | 1.4 |
| Total | 142 | 100 |

Students are required to take 2 credit hours of co-curriculum